

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG**

**SOALAN :**

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ] minta PERDANA MENTERI menyatakan lokasi, jumlah dan harga unit Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) di Kuala Lumpur dan Selangor masing-masing. Senarai nama kontraktor dan tarikh siap projek PR1MA itu.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, PR1MA sedang rancak melaksanakan mandat Kerajaan ke arah memastikan 160,000 unit rumah yang disasarkan bagi tahun 2013 dan 2014 tercapai. Alhamdulillah Anggota Perbadanan PR1MA setakat ini telah meluluskan sebanyak 97,887 unit perumahan mampu milik yang selesa dan berkualiti di seluruh negarasetakat ini PR1MA telah merancang pembinaan 6,172 unit rumah di Kuala Lumpur dan sebanyak 11,082 unit rumah di negeri Selangor.

Pada masa ini projek-projek tersebut masih lagi di dalam pelbagai fasa perancangan dan pembinaan. Secara keseluruhan, PR1MA telah memulakan pembinaan sebanyak 11,868 unit rumah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Kedah, Perak Johor dan Negeri Sembilan. Menjelang akhir tahun 2014, sebanyak 40,000 unit rumah akan berada dalam fasa pembinaan. Selain melaksanakan pembangunannya sendiri, PR1MA turut menjalinkan kerjasama menggunakan instrumen Perjanjian Jual Beli dan kaedah Usaha Sama dengan pemaju swasta mengikut kesesuaian sesuatu projek.

Walaupun bagaimanapun tarikh siap setiap projek adalah berbeza antara satu sama yang lain. Namun begitu secara kasarnya, projek perumahan PR1MA ini akan mengambil masa selama 2 tahun bagi

projek bertanah dan 3 tahun bagi kediaman jenis strata untuk disiapkan.

Harga rumah yang ditawarkan adalah di antara RM100,000 hingga RM400,000 dan ianya tertakluk kepada lokasi dan jenis spesifikasi rumah berkenaan. Bagi memastikan rumah mampu dimiliki, harga rumah PR1MA adalah sekurang-kurangnya 20% lebih rendah berbanding harga pasaran rumah yang mempunyai spesifikasi yang sama di kawasan persekitaran projek perumahan PR1MA tersebut. Penentuan harga rumah pula setelah mengambil kira tahap kemampuan pemohon rumah PR1MA di kawasan pembangunan tersebut.

Sekian. Terima kasih.